

PAKEJAN MAKLUMAT



RASUAH

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>

APA ITU RASUAH?

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, hadiah, bonus, undi, perkhidmatan, jawatan, upah, diskaun.

Berdasarkan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) (Akta 694) :

- 1. Meminta/Menerima rasuah [seksyen 16 & 17(a) Akta SPRM 2009]**
- 2. Menawar/Memberi suapan [seksyen 17(b) Akta SPRM 2009]**
- 3. Mengemukakan tuntutan palsu [Seksyen 18 Akta SPRM 2009]**
- 4. Menggunakan jawatan/kedudukan untuk suapan pegawai badan awam [Seksyen 23 Akta SPRM 2009]**

Gagal Melapo

Gagal melapor pemberian, janji atau tawaran rasuah di bawah Seksyen 25 (1) dan (2) Akta SPRM 2009

DENDA : Tidak lebih RM100,000

PENJARA : Tidak lebih 10 tahun atau kedua-duanya sekali

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>



Anda Dilindungi

Masyarakat tidak perlu gentar untuk membantu membanteras kes rasuah. SPRM sentiasa memastikan kerahsiaan maklumat yang diberikan dan PEMBERI MAKLUMAT adalah dilindungi serta tidak boleh didedahkan kepada mana-mana pihak dalam apa jua keadaan.

PEMBERI MAKLUMAT adalah orang yang membuat pendedahan tentang jenayah rasuah berdasarkan pengetahuannya. Mereka dilindungi di bawah Seksyen 65 Akta SPRM 2009.

PEMBERI MAKLUMAT boleh dilindungi di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

PEMBERI MAKLUMAT yang menjadi SAKSI bagi sesuatu kes rasuah dilindungi di bawah Akta Perlindungan Saksi 2009.

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>

Rasuah, Memilih Antara Akibat Dan Manfaat

Rasuah dalam perkhidmatan kerajaan seperti tiada kesudahan. Hampir setiap hari, ada sahaja penjawat awam ditangkap kerana rasuah. Akal seakan tidak percaya dengan tindakan khianat yang dilakukan. Setiap kali berlaku tangkapan, soalan- soalan berikut pasti bermain-main di bibir masyarakat.

“Adakah mereka yang terlibat ini tidak takut dengan undang-undang? Bagaimana perbuatan mereka ini tidak diketahui oleh penyelia atau ketua jabatan? Adakah ketua mereka juga terlibat?”

Semakin ramai ditangkap, semakin masyarakat mempertikaikan tahap integriti dan moral penjawat awam kita.

Sedikit perspektif mengenai tahap keseriusan rasuah dalam kalangan penjawat awam. Berdasarkan statistik SPRM dari tahun 2019 hingga 2023, seramai 2,163 penjawat awam ditangkap kerana pelbagai kesalahan rasuah. Jumlah ini mewakili

43.3 peratus daripada keseluruhan tangkapan iaitu 4,996 individu dalam tempoh yang sama.

Dari segi bentuk kesalahan rasuah, 1,347 penjawat awam atau 62.2 peratus ditangkap kerana meminta dan menerima suapan; 463 penjawat awam (21 peratus) ditangkap kerana membuat tuntutan palsu; 241 penjawat awam (11 peratus) ditangkap kerana salah guna kuasa; dan 21 penjawat awam (satu

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>



peratus) kerana menawar dan memberi suapan. Bakinya ditangkap kerana kesalahan-kesalahan lain.

Pembabitan penjawat awam dalam jenayah rasuah telah memburukkan imej perkhidmatan kerajaan, merencatkan prestasi penyampaian, menjejaskan keselamatan awam dan menyebabkan ketirisan hasil negara.

Lima akibat rasuah

Penjawat awam yang terlibat rasuah pasti tidak sayangkan diri, keluarga dan kerjaya mereka. Adakah berbaloi memperoleh banyak wang dari aktiviti rasuah, tetapi hati sentiasa dibelenggu kerisauan? Bila-bila sahaja, boleh ditangkap SPRM.

Sekadar mengingatkan penjawat awam yang belum ditangkap SPRM atau sedang berjinak-jinak dengan rasuah. Berikut adalah lima akibat yang akan dihadapi sekiranya ditangkap, didakwa dan disabitkan kesalahan rasuah.

Pertama, mereka boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan didenda sebanyak lima kali nilai suapan. Akta SPRM 2009 mewajibkan pesalah rasuah menjalani hukuman penjara. Tempohnya tertakluk kepada nilai rasuah dan keseriusan kes.

Denda dikira berdasarkan nilai suapan. Denda minimum adalah RM10,000. Bagi rasuah yang tidak boleh dinilai dengan wang, seperti habuan seks, denda yang boleh dikenakan adalah RM10,000 atau lebih tinggi.

Kedua, hilang kelayakan bayaran pencen penjawat awam. Bagi penjawat awam, hukuman penjara boleh menyebabkan mereka hilang bayaran pencen.

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>



Seksyen 21(1) Akta Pencen 1980 menyatakan, "... jika mana-mana orang yang telah diberikan pencen atau faedah lain di bawah Akta ini dikenakan hukuman mati atau penjara selama sesuatu tempoh oleh suatu Mahkamah, maka pencen atau faedah lain itu hendaklah terhenti dengan serta-merta."

Dengan kata lain, hukuman penjara, walaupun sehari boleh menyebabkan mereka hilang pencen. Oleh sebab itu, pertimbangkan kesan ini sebelum anda melakukan jenayah rasuah.

Ketiga, harta yang diperoleh daripada aktiviti rasuah akan disita dan dilucut hak kepada Kerajaan Malaysia. Pelucuthakan harta dilakukan sama ada melalui Seksyen 40 dan 41 Akta SPRM 2009; atau Seksyen 55 dan 56 Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFAPUAA 2001).

Pelucuthakan harta boleh dibuat dalam dua keadaan iaitu sama ada pelaku rasuah didakwa di mahkamah; atau pelaku rasuah tidak didakwa di mahkamah.

Menyita dan melucutkan harta memberi isyarat jelas bahawa rasuah adalah satu kesalahan berat. Tindakan ini memastikan semua hasil daripada aktiviti haram dikembalikan kepada kerajaan. Pesalah rasuah juga tidak akan dapat menikmati hasil rasuah tersebut, walaupun setelah menjalani hukuman mereka.

Keempat, identiti pesalah rasuah dipaparkan di portal rasmi SPRM. Pangkalan Data Pesalah Rasuah diperkenalkan pada 4 Mac 2010, bertujuan mewujudkan kesedaran orang ramai mengenai kesan buruk rasuah.

Pangkalan data ini memaparkan identiti individu yang telah disabitkan dengan kesalahan rasuah. Maklumat yang dipaparkan adalah nama penuh pesalah

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>



rasuah, gambar, nombor kes, pertuduhan, hukuman dan tarikh sabitan kesalahan (mahkamah).

Pangkalan Data Pesalah Rasuah digunakan sebagai rujukan oleh majikan dan kedutaan asing dalam membuat penilaian ke atas individu yang memohon pekerjaan atau urusan pengeluaran visa.

Maklumat pesalah rasuah dipaparkan dalam pangkalan data selama tiga tahun dari tarikh sabitan. Orang ramai boleh melayari portal SPRM (www.sprm.gov.my) dan membuat carian di ruangan yang disediakan.

Kelima, pengurusan syarikat boleh dipenjarakan dan didenda sekiranya gagal melaksanakan usaha pencegahan rasuah. Penguatkuasaan Seksyen 17A Akta SPRM 2009 amat relevan kepada pegawai kanan kerajaan yang dilantik menjadi ahli lembaga pengarah di sesebuah syarikat berkaitan kerajaan.

Merujuk kepada Seksyen 17A Akta SPRM 2009, adalah menjadi kesalahan apabila pihak pengurusan syarikat membiarkan pekerja mereka menawar atau memberi rasuah atas urusan perniagaan. Menjadi kesalahan juga sekiranya syarikat gagal melaksanakan usaha-usaha pencegahan rasuah.

Peruntukan undang-undang ini menghukum syarikat dan mereka yang terlibat dalam pengurusan syarikat. Sekiranya bersalah, boleh didenda 10 kali nilai suapan (minimum RM1 juta); atau penjara tidak lebih 20 tahun; atau kedua-dua sekali.

Faedah menjadi penjawat awam berintegriti

Pilihan menjadi penjawat awam berintegriti atau penjawat awam yang korup, terletak di tangan masing-masing. Terlibat rasuah menyebabkan seseorang

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>



penjawat awam terjerumus dalam pelbagai kesusahan. Memilih integriti sebagai jati diri mempunyai terlalu banyak kebaikan.

Menjadi penjawat awam berintegriti boleh meningkatkan prestasi kerja dan memelihara kesihatan mental. Mereka tidak akan berasa 'terhutang budi' dengan mana-mana ahli sindiket dan tiada perasaan takut jika perbuatan jahat terbongkar.

Kerajaan juga amat menghargai penjawat awam berintegriti yang menolak rasuah dan melaporkan kepada SPRM. Pada 11 Mei 2011, Ketua Setiausaha Negara mengeluarkan surat pekeliling bertajuk 'Garis Panduan Pengiktirafan Kepada Penjawat Awam yang Melaporkan Pemberian atau Penerimaan Rasuah'.

Inisiatif kerajaan ini bertujuan menggalakkan penjawat awam untuk melaporkan rasuah, seterusnya mengiktiraf penjawat awam yang mempamerkan integriti tinggi dalam menangani tawaran rasuah. Melalui surat pekeliling ini, penjawat awam yang melaporkan rasuah layak menerima pengiktirafan dan ganjaran kewangan daripada kerajaan.

Nilai ganjaran adalah bergantung kepada nilai rasuah yang ditawarkan. Kebanyakan kes, nilai ganjaran adalah sama dengan nilai rasuah yang ditawarkan. Sehingga hari ini, 514 penjawat awam telah menerima pengiktirafan ini. Jumlah ganjaran yang telah diberi kepada penjawat awam terbabit adalah sebanyak RM1,035,363.

Selain itu, penjawat awam terbabit akan diberikan sijil penghargaan dan mereka boleh dipertimbangkan pencalonan anugerah pingat peringkat persekutuan atau negeri.

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>



Berdasarkan data SPRM, pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia paling ramai menerima pengiktirafan ini iaitu 349 orang, melibatkan nilai ganjaran RM495,268. Diikuti, Jabatan Imigresen Malaysia (53 orang, nilai ganjaran RM104,715); Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (25 orang, nilai ganjaran RM123,450); Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (17 orang, nilai ganjaran RM155,200); dan Jabatan Pengangkutan Jalan (11 orang, nilai ganjaran RM5,800)

Untuk rekod, ganjaran tertinggi yang pernah diterima oleh seorang pejawat awam kerana melaporkan rasuah adalah RM100,000.

Kesan dan akibat buruk jenayah rasuah

PADA kebiasaannya implikasi buruk akibat perbuatan jenayah rasuah bukan sahaja akan dirasai oleh pelakunya, tetapi juga kepada sistem kehidupan berkeluarga, kemasyarakatan dan negara.

Antara kesan buruk jenayah rasuah ialah:

1) Menjual maruah diri

Jenayah rasuah yang dilakukan oleh anggota pentadbiran kerajaan dan pegawai awam, sebenarnya mereka telah menjual kuasa dan menggadaikan maruah dirinya kepada pemberi suapan rasuah.

Melalui perbuatan jenayah rasuah, si penerima telah menjadi pekerja atau “barua” bagi si pemberi suapan rasuah.

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>



Si penerima suapan rasuah tidak akan dapat menggunakan kuasa dan pertimbangan sewajarnya dalam melaksanakan amanah yang diberikan oleh majikannya.

Meletakkan diri pelaku jenayah rasuah itu sama dengan nilai suapan yang diterima mencerminkan kebiadapan dan moral yang rosak serta dikutuk oleh masyarakat.

2). Menjatuhkan Maruah dan Melemahkan Institusi Keluarga

Apabila seseorang pemimpin atau pegawai awam terlibat dengan jenayah rasuah, dia telah membawa masuk rezeki haram kepada ahli keluarganya berupa makanan, wang.

Peralatan rumah atau pembelian aset seperti rumah, tanah dan kenderaan. Sekiranya dia telah ditangkap dan dijatuhi hukuman oleh mahkamah akan menyebabkan imej dan maruah ibubapa dan ahli keluarganya tercemar.

Ahli keluarganya akan merasa malu dan terhina apabila berdepan dengan masyarakat, apatah lagi jika kes tersebut tersiar dalam media massa atau media sosial.

Akibat nyata kepada kehidupan keluarga adalah apabila seseorang itu hilang punca pendapatan iaitu gaji dan elaun bulanan kerana dihukum penjara dan dibuang kerja kerana jenayah rasuah, akan menyebabkan kesukaran untuk menyelenggara hidup ahli keluarga terutamanya pegawai awam yang sudah berkeluarga dan pasangan hidup pula tidak bekerja.

Hal ini menyukarkan untuk membeli keperluan makanan untuk keluarga, sewa rumah dan keperluan persekolahan anak-anak.

Lebih malang lagi jika dia perlu membayar balik hutang ansuran pinjaman kenderaan, pinjaman peribadi atau pinjaman perumahan dengan bank atau koperasi. Malah dia akan berdepan dengan tindakan undang-undang dan boleh diisytiharkan bankrap jika gagal membayar balik hutang tersebut. Pada

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>

akhirnya boleh menyebabkan tekanan emosi dan mental akibat pembuangan kerja tersebut.

Perlu dijelaskan, seseorang yang telah dijatuhkan hukuman oleh mahkamah kerana terlibat jenayah rasuah dan dibuang kerja akan menghadapi kesukaran besar untuk mendapatkan pekerjaan sama ada di sektor awam atau swasta kerana rekod perkhidmatan dengan majikan asal tercatat status dibuang kerja.

Akhirnya akan mendedahkan individu itu kepada berlaku gejala tidak sihat dan melanggar undang-undang seperti terlibat dengan penagihan dadah, mencuri dan krisis rumah tangga sehingga berlaku penceraian yang berpunca dari masalah hilang punca pendapatan dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan baharu untuk memulakan kehidupan baru.

3) Ketidakadilan Sosial. Perbuatan menyogok suapan rasuah kepada mereka yang berkuasa dan berpengaruh oleh ahli-ahli perniagaan atau kontraktor yang kurang cekap atau tidak beretika untuk mendapatkan sesuatu projek, lesen perniagaan, kontrak, jawatan dan pemilikan saham telah menafikan hak golongan tertentu.

Oleh kerana tidak mampu atau enggan memberikan suapan rasuah, maka mereka yang berkecayaan dan sepatutnya mendapat hak telah tidak dilayan dan diabaikan.

Akibatnya mereka yang jujur atau tidak mampu memberikan sogokan wang rasuah kepada pihak tertentu akan tertindas dan tidak mampu meneruskan perniagaan atau pekerjaan secara halal.

Sebaliknya mereka yang memberi suapan rasuah untuk mendapatkan kontrak atau projek akan memperoleh tawaran kerja atau dipilih walaupun tiada kelayakan, pengalaman atau kemampuan. Kesannya akan menyebabkan ketidakadilan akan terus wujud.

Jenayah rasuah juga menjadikan seseorang itu “jutawan segera” dan mendadak tanpa perlu memerah keringat dan berkerja keras untuk memperoleh harta kekayaan. Kekuasaan dan pangkat yang dimiliki akan

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>

digunakan untuk mengumpulkan harta dan kekayaan tanpa memikirkan persoalan halal dan haram.

Kesannya wujudnya jurang kekayaan yang semakin luas apabila masih ramai yang hidup miskin di rumah-rumah setinggan di bandar-bandar, pengangguran, keciciran dalam pendidikan dan pelbagai gejala sosial. Akibatnya mereka yang miskin bertambah miskin dan tertindas, manakala mereka yang berkecayaan dan benar-benar jujur tidak terpilih.

4) Meningkatkan Kos Hidup

Para peniaga, kontraktor atau pengilang yang terpaksa memberikan suapan rasuah kepada pihak berkuasa untuk mendapatkan lesen perkhidmatan, permit, kontrak atau projek menyebabkan mereka mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barangan untuk menampung kos perbelanjaan kerana pemberian suapan rasuah tersebut adalah diambil kira sebagai satu perbelanjaan.

Untuk memperoleh balik “kos rasuah yang dibayar” itu, mereka akan mengenakan bayaran tinggi kepada pelanggan dengan menaikkan harga barang atau perkhidmatan.

Sekiranya para peniaga atau pengilang tidak dapat menaikkan harga barangan atau perkhidmatan, mereka akan mengurangkan mutu barangan yang dikeluarkan. Akibatnya akan dirasakan oleh orang awam yang membeli atau menggunakan barangan atau perkhidmatan tersebut kerana terpaksa menanggung kos perbelanjaan yang tinggi dan kurang mutunya.

Jenayah rasuah menyebabkan sesuatu keputusan yang dibuat memihak kepada si pemberi rasuah dan bukan di atas pertimbangan kelayakan dan persaingan sihat. Kesannya akan menyebabkan kurangnya kecekapan dan keuntungan setimpal kepada pihak swasta dalam konteks persyarikatan.

Jenayah rasuah juga telah memberi kesan buruk kepada kemasukan pelabur-pelabur asing di negara ini sekiranya perlakuan jenayah rasuah tidak dibendung dan berleluasa di negara ini.

Pembantu Pustakawan S19

2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>

Pertimbangan para pelabur untuk membawa masuk modal dan membuka syarikat atau kilang-kilang di negara ini amat bergantung kepada sejauh mana keazaman dan ketelusan negara tersebut mengawal dan mengekang jenayah rasuah. Mereka tidak akan datang ke negara yang mempunyai tahap indeks jenayah rasuah yang tinggi dan berleluasa.

5) Membahayakan Nyawa Dan Harta Benda

Sekiranya syarikat pemaju perumahan atau kontraktor pembinaan memberi suapan rasuah kepada pegawai awam seperti jurutera, arkitek dan jurukur bahan, mereka akan mengurangkan kualiti bahan binaan dan tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan kerana sebahagian dari keuntungan mereka itu telah dikeluarkan untuk bayaran wang rasuah.

Akibatnya bangunan atau jalan raya yang dibina akan mudah retak atau runtuh yang boleh membahayakan pengguna. Bayangkan apa akan terjadi sekiranya kejadian keruntuhan sebuah bangunan yang mengakibatkan berlaku kemalangan jiwa dan harta benda hanya kerana perbuatan jenayah rasuah yang dilakukan di antara kontraktor dengan pegawai awam.

Sekiranya kejadian-kejadian ini menyebabkan kematian atau kecederaan kepada orang awam, maka jenayah rasuah boleh dianggap sebagai “pembunuh misteri”. Hal ini kerana kita tidak dapat membuktikan dan mendakwa di mahkamah siapakah sebenarnya yang terlibat menyebabkan malapetaka tersebut.

Jenayah rasuah jenis ini juga mempunyai implikasi serius bukan sahaja merugikan harta benda dan ketirisan hasil kerajaan, malah melibatkan nyawa manusia. Sebagai contoh, kemalangan jalan raya yang berlaku disebabkan oleh pemandunya yang memiliki lesen memandu tanpa ujian atau lulus ujian dengan merasuah pegawai JPJ.

Pemandu itu pada hakikatnya tidak layak atau tidak mahir memandu kenderaan apabila berada di jalan raya. Kesannya bukan sahaja pemandu itu sahaja, malah menyebabkan pemandu atau penumpang kenderaan lain menjadi mangsa kemalangan di atas kecuaiannya dan ketidakcekapan pemanduannya,

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>

apatah lagi kes kemalangan itu melibatkan kematian. Inilah dikatakan jenayah rasuah dianggap pembunuh misteri yang amat sukar dibuktikan di mahkamah.

6) Melemahkan Penguatkuasaan Undang-Undang

Jenayah rasuah juga boleh melemahkan penguatkuasaan undang-undang. Perbuatan jenayah rasuah yang berleluasa dalam kalangan pegawai awam yang bertugas di agensi-agensi penguat kuasa, bermakna pihak kerajaan telah tidak dapat melaksanakan dasar dan undang-undangnya secara berkesan.

Oleh kerana terbabit dengan jenayah rasuah, penguatkuasaan terhadap peraturan dan undang-undang dilaksanakan secara tidak adil dan pilih kasih berlaku. Kesannya orang-orang yang berintegriti dan tidak mahu memberi suapan rasuah atau orang-orang miskin dan tidak berkemampuan untuk memberikan suapan rasuah akan menjadi mangsa kepada pihak berkuasa yang korup.

Jenayah rasuah juga menjejaskan kecekapan dan kelicinan Jenayahentadbiran apabila seseorang pegawai awam itu telah biasa disogokkan supaya mempercepatkan sesuatu proses kerja, maka dia sengaja melambatkan urusan tugas diamanah kepadanya kerana sentiasa mengharapkan memperoleh suapan rasuah daripada orang awam yang berurusan dengannya.

Ada dalam kalangan pegawai awam tidak segan silu dan malu, secara terus terang meminta suapan rasuah daripada orang awam, peniaga atau kontraktor sekiranya mahu urusan mereka dipercepatkan atau mendapatkan layanan istimewa.

Pegawai dan anggota penguatkuasaan undang-undang yang terlibat dengan jenayah rasuah akan mudah “dibeli” oleh penjenayah atau orang-orang yang berkepentingan untuk melakukan perbuatan jenayah seperti sindiket pengedaran dadah, pelacuran, perjudian dan penipuan. Pegawai awam yang korup ini akan menjadi pelindung kepada kegiatan-kegiatan haram mereka tanpa diambil tindakan.

7) Mengancam Keselamatan dan Kestabilan Negara

Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>

Seorang anggota pentadbiran atau pegawai awam yang terlibat jenayah rasuah akan sanggup membocorkan rahsia negara, membiarkan pengedaran dadah, penyeludupan senjata api, banjir haram, perdagangan manusia, kegiatan pelacuran, perjudian dan pelbagai aktiviti yang boleh merosakkan nilai-nilai sosial dan keselamatan negara.

Akibatnya akan berlakulah kejadian-kejadian peras ugut, rompakan, penagihan dadah, pembunuhan dan pelbagai bentuk jenayah yang berleluasa tanpa kawalan, mengancam nyawa dan harta benda orang awam.

Jenayah rasuah yang bertapak dalam sistem politik boleh meruntuhkan sistem pemerintahan dan ekonomi sesebuah negara. Jenayah rasuah yang berleluasa dalam kalangan pemimpin kerajaan dan anggota perkhidmatan awam boleh mengakibatkan berlaku perbuatan pilih kasih, ketidakadilan dan penindasan yang mencetuskan keresahan dan kebencian oleh rakyat terhadap kerajaan yang memerintah.

Berlaku Ketirisan Dan Menjejaskan Pendapatan Negara Ada dua bentuk ketirisan iaitu ketirisan hasil kerajaan dan ketirisan perbelanjaan kerajaan. Ketirisan hasil kerajaan berlaku apabila ada dalam kalangan pegawai awam yang diamanahkan melaksanakan tugas mengutip hasil kerajaan seperti Jabatan Kastam, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Perhutanan, Pejabat Tanah Daerah atau Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah terlibat dengan jenayah rasuah akan menyebabkan kerajaan mengalami kerugian hasil pendapatan negara.

Hal ini kerana wang hasil kutipan cukai import, cukai jualan, hasil bayaran lesen, kompaun, cukai pendapatan dan pelbagai cukai akan digunakan oleh kerajaan untuk menampung kos pengurusan, pembangunan dan kebajikan rakyat keseluruhannya.

Sekiranya pegawai awam terlibat menerima suapan rasuah dari pengimport atau penyeludup sebagai balasan untuk mengurangkan taksiran cukai yang patut dikenakan atau mengelakkan dikenakan cukai, maka kerajaan mengalami kerugian kerana tidak memperoleh hasil pendapatan yang sepatutnya.

Disediakan oleh : Dyg Snartina Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>



Sebaliknya pegawai awam terlibat dengan jenayah rasuah mendapat untung kerana habuan rasuah. Pengimport atau penyeludup juga mendapat keuntungan lebih besar kerana tidak perlu atau hanya membayar cukai di bawah kadar sebenar yang ditetapkan kerajaan.

Manakala ketirisan perbelanjaan kerajaan pula berlaku dalam bentuk wang negara yang digunakan untuk melaksanakan projek pembangunan atau infrastruktur seperti sekolah, bekalan air bersih luar bandar, bantuan subsidi diesel untuk nelayan, subsidi baja, bekalan elektrik luar bandar dan jalan raya tidak disalurkan atau digunakan sepenuhnya seperti dirancang atau ditetapkan dalam tender atau kontrak kerajaan.

Hal ini kerana, ada pegawai kanan yang terlibat dalam urusan tender atau sebutharga projek-projek kerajaan mengambil kesempatan menerima suapan rasuah dari syarikat atau kontraktor yang berjaya. Peruntukan sebenar bagi setiap kontrak atau projek telah berkurangan. –

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>

Hukum pemberi rasuah

KITA biasa didedahkan dengan hukuman yang dikenakan kepada penerima rasuah. Jarang-jarang sekali barulah kita dengar pemberi rasuah ditangkap dan dihukum.

Seksyen 17 (b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009) menetapkan perbuatan memberi atau menawarkan rasuah sama beratnya dengan kesalahan menerima rasuah.

Jika sabit kesalahan boleh dihukum sama berat dengan kesalahan Seksyen 17 (a) iaitu menerima rasuah dengan penjara maksimum 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali nilai suapan jika suapan dapat dinilai atau RM10,000 mana yang lebih tinggi.

Boleh jadi sukar untuk buru dan hapuskan pemberi rasuah kerana rencana jenayah rasuah mereka sangat licik dan sadis.

Biasanya pemberi rasuah ini terdiri daripada pihak yang bertaraf jerung "besar" atau "kaya" serta "berpengaruh". Justeru mereka sangat berkepentingan.

Sementara yang menerima rasuah pula kebiasaannya ialah pihak pelaksana (operasi) dan penguatkuasa. Mereka biasanya dirasuah untuk melepaskan "laluhan jerung" tersebut.

Akhirnya, penerima rasuah dari kalangan penguatkuasa, penjawat awam dan lainnya menjadi sasaran mudah pencegahan rasuah. Mereka segera ditangkap dan didakwa.

Ini diakui oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Seri Shamshun Baharin Mohd Jamil bahawa statistik empat tahun kebelakangan

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>



sehingga Februari 2021 yang lalu, menunjukkan 46.9 peratus jumlah tangkapan adalah penjawat awam

Pemberi rasuah “mudah lolos” setelah mereka dengan begitu licik menyembunyikan jenayah mereka setelah memperdaya atau mengugut penerima rasuah agar rasuah itu tidak berkait atau melibatkan mereka.

Pihak berkuasa selayaknya turut mempunyai mekanisme yang lebih berkesan untuk memburu dan menghapuskan spesies pemberi rasuah di negara ini. – **HARAKAHDAILY 27/8/2022**

Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S19
2024

Sumber Maklumat :

https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478
https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=3310&cat=BKH
<https://www.nasionaldaily.com/2024/04/07/kesan-dan-akibat-buruk-jenayah-rasuah/>
<https://harakahdaily.net/index.php/2022/08/27/hukum-pemberi-rasuah/>